

28/03/1997

Kerajaan tidak ubah Dasar Pandang ke Timur

TOKYO, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, keputusan Malaysia mempelawa pelabur Amerika Syarikat menyertai projek Koridor Raya Multimedia (MSC) tidak bermakna negara ini mengubah Dasar Pandang ke Timur.

Menurut Perdana Menteri, pelawaan itu juga tidak bercanggah dengan dasar berkenaan, malah Malaysia tidak mungkin mengetepikan Jepun kerana masih banyak yang perlu dipelajari dari negara berkenaan.

"Bekerjasama dengan Barat bukan bermakna kita akan berhenti mengadakan kerjasama dengan negara Timur.

"Malah, sewaktu Dasar Pandang ke Timur diperkenalkan, kita tidak pernah menyatakan bahawa kita tidak akan mengadakan lagi kerjasama dengan Barat," katanya dalam sidang akhbar di Kelab Wartawan Kebangsaan Jepun di sini, hari ini.

Kira-kira 200 wartawan asing menghadiri sidang akhbar itu yang diadakan sempena lawatan rasmi lima hari Dr Mahathir ke Jepun.

Mengenai cadangan supaya diadakan sidang kemuncak Jepun-Asean, Dr Mahathir mengulangi sokongannya terhadap rancangan itu dan menganggapnya penting kerana Jepun menjadi satu-satunya negara di Asia yang menganggotai kumpulan tujuh negara maju (G7).

"Ini penting bagi membolehkan pandangan kita dibawa Jepun ke pertemuan G7.

Pada masa lalu, pandangan kita tidak dipertimbangkan dan akibatnya apabila kumpulan itu menaikkan nilai Yen bagi menyelesaikan hubungan perdagangan dengan Jepun, kita yang menerima kesannya kerana terpaksa membayar hutang Yen berlipat kali ganda.

(END)